

15/12/1997

Amerika tidak wajar tekan Malaysia

BEBERAPA jam selepas 132 negara mencapai kata sepakat di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi meliberalisasikan pasaran kewangan, Amerika Syarikat memberi amaran mahu mengenakan diskriminasi terhadap Malaysia. Ugutan daripada Wakil Perdagangan Amerika, Charlene Barshefsky, dibuat hanya kerana Kuala Lumpur masih bertegas tidak mahu menggugurkan keperluannya supaya syarikat insurans asing di negara ini mengurangkan ekuiti 100 peratus mereka kepada 51 peratus.

Sumbangan industri insurans yang dikuasai syarikat asing di Malaysia, kita akui sangat besar. Kita percaya adalah kurang wajar bagi sesebuah syarikat asing yang sudah lama bergiat di Malaysia, mengaut keuntungan besar menerusi operasinya berpuluh tahun, kini mahu terus menguasai segala kepentingan tanpa mengambil kira aspirasi nasional. Justeru, kita melihat keengganan sesetengah syarikat insurans asing berbuat demikian adalah kerana sikap tamak mereka dan mahu terus memonopoli kegiatan yang besar pulangnya tanpa mahu mengambil kira langsung bahawa apa yang mereka perolehi selama ini adalah menerusi penyertaan rakyat tempatan dalam pelbagai skim yang mereka tawarkan.

Penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin adalah jelas. Tawaran 51 peratus itu adalah yang terbaik dan penyusunan semula ekuiti syarikat insurans asing yang sudah lama bertapak di Malaysia mestilah mengambil kira kepentingan tempatan. Malah dengan 51 ekuiti yang diperolehi bukan kita membolot semua, tetapi mereka masih mempunyai kata pemutus terhadap sebarang keputusan operasi walaupun keuntungan yang diperolehi mungkin berkurangan.

Sebagai negara membangun dan berusaha mencapai status negara maju, Malaysia perlu mempunyai kekuatan dan daya saing dalam setiap bidang yang disertai termasuk juga kewangan dan insurans, apatah lagi industri itu adalah tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi. Penyertaan kita secara aktif dalam bidang itu sangat penting. Sehubungan itu, kita tidak mampu membenarkan penguasaan 100 peratus asing dalam industri itu kerana berbuat demikian samalah seperti mahu membunuh syarikat tempatan. Syarikat tempatan yang baru berumur setahun jagung, pastinya tidak akan dapat bersaing dengan milik asing terutama yang disenaraikan sebagai konglomerat dan mempunyai rangkaian perniagaan di seluruh dunia. Lantas, Malaysia hanya perlu membuka sektor perkhidmatan kewangan dan insuransnya berasaskan keupayaannya. Pemilikan 51 peratus siling dalam syarikat insurans tempatan adalah satu-satunya yang terbaik dapat kita tawarkan berbanding 49 peratus sebelum ini. Lagipun ketika ini, penyertaan asing dalam sektor insurans dan perbankan tempatan adalah tinggi dan kelonggaran seterusnya hanya akan menyaksikan mereka mendominasi keseluruhan operasi di negara kita sendiri.

Dalam hal ini, kita mesti bertegas dan tidak berganjak langsung dengan tawaran itu. Liberalisasi pasaran kita biarlah bertempat dan sepadan tanpa mengorbankan kepentingan sendiri. Perlu diingat, sesetengah firma asing di Malaysia sudah bersetuju mengurangkan kepentingan mereka. Cuma ada beberapa syarikat tertentu saja yang enggan berbuat demikian. Rasionalnya, jika syarikat asing lain yang juga sudah lama bertapak dapat menerima hakikat bahawa kejayaan mereka selama ini itu kerana iklim ekonomi Malaysia yang baik dan mengurangkan kepentingan kepada 51 peratus itu sebagai tanda menghargainya, tidak ada sebab syarikat tertentu terutama yang mempunyai kepentingan di Amerika Syarikat, tidak boleh ikut serta.

Kerajaan Malaysia tidak pernah menukar peraturan sewenang-wenang untuk menghapuskan pelabur asing selepas kita mendapat manfaatnya. Kita boleh berbuat demikian tetapi itu bukan cara yang bijak terutama dalam perdagangan dunia kini yang saling bergantung dan memerlukan. Malah dalam banyak hal bersangkutan dengan perdagangan dan pelaburan, kita lebih liberal daripada sesetengah negara lain termasuk kuasa ekonomi yang lebih bersikap menekan.

Apatah lagi ketika suasana ekonomi kini lembap, penyertaan dan prospek pelaburan asing sangat kita perlukan. Sebagai negara yang mengamalkan sistem demokratik, langkah seperti ini bukan bermaksud merampas hak orang lain. Cuma apa yang kita mahu ialah penyertaan itu lebih berlandaskan kepada situasi menang-menang dan bukan berat kepada satu pihak sahaja. Oleh itu, kita merasakan adalah tidak wajar Amerika yang digambarkan sebagai jaguh dan pejuang kepada keadilan perdagangan dunia, secara melulu membuat ancaman sedemikian.

(END)